

Vaksin rabies cukup di Perlis **UTUSAN** 24/9/15

KANGAR 23 Sept. - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perlis hari ini memberi jaminan stok bekalan vaksin bagi penyakit anjing gila atau rabies di negeri ini masih cukup.

Pengarahnya, Dr. Shaharul Akmar Talib berkata, pihaknya bukan sahaja memastikan bekalan mencukupi tetapi telah siap sedia membuat pesanan bagi menambah bekalan sedia ada.

"Jadi tidak timbul masalah ketiadaan stok bagi pihak JPV melaksanakan program penvaksinan terhadap anjing di negeri



SHAHARUL AKMAR

ini," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata, sehingga hari ini masih tiada kes gigitan terbaharu di Perlis.

"Sehingga semalam masih kekal sebanyak 32 mangsa telah digigit anjing tetapi mereka bebas daripada virus rabies," katanya.

Katanya, hanya enam daripada 20 anjing yang menggigit itu disahkan positif rabies.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan program penvaksinan semula ke atas anjing pada minggu depan selepas cuti hari Raya Aidiladha.